



GARIS PANDUAN PENGUNAAN FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI TUJUAN LATIH AMAL PELAJAR / PELATIH PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

**EDISI KEDUA
2021**

Kata Aluan
YBHG. TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

وَبَرَكَاتُهُ اللَّهُ وَرَحْمَةً عَلَيْكُمْ السَّلَامُ



Salam sejahtera.

Selaras dengan perkembangan bidang perubatan dan kesihatan, terdapat peningkatan bilangan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang menyediakan program-program pengajian Diploma, Ijazah dan Sarjana. Antara keperluan dalam kurikulum pengajian tersebut adalah latih amal secara komprehensif.

Sehubungan itu, garis panduan penggunaan fasiliti ini diterbitkan bertujuan memberi maklumat dan panduan kepada PPT dan semua pihak yang terlibat dalam pengurusan penempatan pelajar / pelatih untuk latih amal di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkongsian pintar ini membolehkan semua pihak menguruskan latih amal pelajar secara bersepadu dalam melahirkan graduan yang kompeten serta mencapai piawaian yang ditetapkan.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Program Perubatan, Program Kesihatan Awam, Program Kesihatan Pergigian, Program Perkhidmatan Farmasi, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Bahagian Kejururawatan, Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Bahagian Pengurusan Latihan, Bahagian Kewangan, Penasihat Undang-Undang (PUU) serta Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan atas inisiatif dalam penambahbaikan Garis Panduan Penggunaan Fasiliti KKM Bagi Tujuan Latih Amal Pelajar / Pelatih PPT dengan jayanya.

Semoga dengan wujudnya garis panduan penggunaan fasiliti ini, ianya digunapakai sebagai rujukan kepada semua PPT dan pihak yang terlibat dalam pengurusan penempatan pelajar / pelatih yang akan menjalani latih amal di fasiliti KKM ini dalam usaha melahirkan graduan yang kompeten sebelum memasuki alam pekerjaan. Akhir kata, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Garis Panduan Penggunaan Fasiliti ini. Saya berharap garis panduan ini akan dipatuhi dan digunapakai oleh semua pihak dalam memantapkan pengurusan penempatan pelajar / pelatih di fasiliti KKM.

Sekian.

Yang Ikhlas,


TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Kata Aluan

YBHG. DATO' DR. NORHIZAN BIN ISMAIL
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (Perubatan)

وَبَرَكَاتُهُ اللَّهُ وَرَحْمَةً عَلَيْكُمْ السَّلَامُ



Salam sejahtera.

Syukur Alhamdulillah dan terima kasih di atas peluang diberikan untuk saya sampaikan kata aluan sempena penerbitan Garis Panduan Penggunaan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tujuan Latih Amal Pelajar / Pelatih PPT.

Penerbitan garis panduan ini merupakan penambahbaikan kepada edisi pertama yang diterbitkan pada tahun 2015. Penggabungan tenaga pelbagai Program, Bahagian dan Cawangan ini amat dihargai dalam usaha memantapkan pengurusan penggunaan fasiliti KKM.

Adalah diharapkan agar semua pihak yang terlibat dapat memanfaatkan penggunaan garis panduan ini sepenuhnya dalam usaha melancarkan urusan dan latihan pelajar / pelatih PPT. Bersama kita membantu mengatasi isu dan cabaran dalam melahirkan modal insan sektor kesihatan yang professional dan kompeten demi meningkatkan taraf kesihatan rakyat kita.

“Kami Sedia Membantu”

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,

DATO' DR. NORHIZAN BIN ISMAIL
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

A large, stylized handwritten signature in black ink, written over the printed name and title of the official. The signature is fluid and somewhat abstract, with a long horizontal stroke extending to the right.

KANDUNGAN

1.	Tujuan	1
2.	Pendahuluan	1
3.	Objektif	
	3.1 Objektif Umum	1
	3.2 Objektif Khusus	2
4.	Skop	2
5.	Takrifan	2
6.	Jawatankuasa	
	6.1 Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti KKM	5
	6.2 Jawatankuasa Bersama Pengurusan Peringkat Negeri	6
7.	Prosedur Permohonan Penggunaan Fasiliti KKM	
	7.1 Syarat-syarat Permohonan	8
	7.2 Proses Kelulusan	10
8.	Prosedur Untuk Memeterai <i>Memorandum of Agreement (MoA)</i>	
	8.1 Syarat-syarat Untuk Menandatangani <i>MoA</i>	10
	8.2 Proses Penyediaan <i>MoA</i>	10
	8.3 Proses Kerja dan Carta Aliran Permohonan Penggunaan Fasiliti KKM dan Penyediaan Deraf <i>MoA</i> antara PPT dengan Kerajaan Malaysia (KKM) untuk Tujuan Latih Amal Pelajar / Pelatih	11
9.	Permohonan Tambahan Penggunaan Fasiliti KKM	12
10.	Tatacara Penempatan Latih Amal bagi Pelajar/Pelatih di Fasiliti KKM (Latihan Klinikal / Teknikal)	12
11.	Tatacara Penempatan Latihan Elektif bagi Pelajar / Pelatih dari PPT Dalam dan Luar Negara di Fasiliti KKM	
	11.1 Latihan Elektif bagi Pelajar / Pelatih dari PPT Dalam Negara	13

11.2 Latihan Elektif Bagi Pelajar / Pelatih dari PPT Luar Negara	15
12. Peranan dan Tanggungjawab PPT	16
13. Peranan dan Tanggungjawab Fasiliti KKM	18
14. Peraturan dan Tanggungjawab Pelajar / Pelatih semasa Latihan	19
15. Lantikan, Peranan dan Tanggungjawab <i>Clinical Instructor</i>	19
16. Panduan Pelantikan <i>Local Preceptor</i>	20
17. Pembayaran Penempatan Pelajar / Pelatih di Fasiliti KKM	21
18. Pelaksanaan	22
19. Pertanyaan	24
20. Rujukan	26
Jawatankuasa Kerja Semakan Semula Garis Panduan Penggunaan Fasiliti KKM untuk Tujuan Latih Amal Pelajar PPT	52

SENARAI LAMPIRAN

M/S

LAMPIRAN 1	Proses Kerja Permohonan Penggunaan Fasiliti KKM dan Penyediaan Deraf MoA antara PPT dengan Kerajaan Malaysia (KKM) untuk Tujuan Latih Amal Pelajar / Pelatih	28
LAMPIRAN 1A	Carta Aliran Permohonan Penggunaan Fasiliti KKM dan Penyediaan Deraf MoA antara PPT dengan Kerajaan Malaysia (KKM) untuk Tujuan Latih Amal Pelajar / Pelatih	29
LAMPIRAN 1B	Senarai Semak Permohonan Penggunaan Fasiliti KKM dan Penyediaan Deraf MoA antara PPT dengan Kerajaan Malaysia (KKM) untuk Tujuan Latih Amal Pelajar / Pelatih	31
LAMPIRAN 2	Proses Kerja Penerimaan Bayaran bagi Penempatan Pelajar / Pelatih PPT di Fasiliti KKM	33
LAMPIRAN 2A	Carta Aliran Penerimaan Bayaran bagi Penempatan Pelajar / Pelatih PPT di Fasiliti KKM	34
LAMPIRAN 2B	Borang Penerimaan Bayaran bagi Penempatan Pelajar / Pelatih bagi Menjalani Latih Amal di Fasiliti KKM	35
LAMPIRAN 3	Proses Kerja Tatacara Penempatan Latih Amal Pelajar / Pelatih PPT di Fasiliti KKM	36
LAMPIRAN 3A	Carta Aliran Tatacara Penempatan Pelajar / Pelatih PPT di Fasiliti KKM	37
LAMPIRAN 3B	Senarai Semak Permohonan Penempatan Pelajar / Pelatih Untuk Menjalani Latih Amal Di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia	39
LAMPIRAN 4	Proses Kerja Permohonan Penempatan Latihan Elektif Bagi Pelajar / Pelatih PPT Dalam Negara	40
LAMPIRAN 4A	Carta Aliran Permohonan Penempatan Latihan Elektif Bagi Pelajar / Pelatih PPT Dalam Negara	41
LAMPIRAN 5	Proses Kerja Permohonan Penempatan Latihan Elektif Bagi Pelajar / Pelatih PPT Luar Negara	42
LAMPIRAN 5A	Carta Aliran Permohonan Penempatan Latihan Elektif Bagi Pelajar / Pelatih PPT Luar Negara	44
LAMPIRAN 5B	Borang Permohonan Menjalani Latihan Elektif Bagi Pelajar / Pelatih PPT Dalam Negara dan Luar Negara Di Fasiliti KKM	45
LAMPIRAN 6	Proses Kerja Pelantikan LP oleh PPT	49
LAMPIRAN 6A	Carta Aliran Pelantikan LP oleh PPT	50
LAMPIRAN 7	Jadual 1: Nisbah <i>Clinical Instructor (CI)</i> Kepada Pelajar	51

SENARAI SINGKATAN

APC	<i>Annual Practicing Certificate</i>
ASKB	Anggota Sains Kesihatan Bersekutu
BDHA	Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
CI	<i>Clinical Instructor</i>
IKN	Institut Kanser Negara
ILKKM	Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia
IMR	Institut Penyelidikan Perubatan
INSAN	Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera
IPR	Institut Perubatan Respiratori
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
JKPF	Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti
JMC	<i>Joint Management Committee</i>
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
LP	<i>Local Preceptor</i>
MoA	<i>Memorandum of Agreement</i>
MQA	<i>Malaysian Qualifications Agency / Agensi Kelayakan Malaysia</i>
NIH	<i>National Institute of Health</i>
PDN	Pusat Darah Negara
PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi
PUU	Penasihat Undang-Undang
SA	<i>Supplementary Agreement</i>
TKPK	Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
TPC	<i>Temporary Practicing Certificate</i>
UA	Universiti Awam

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN FASILITI

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BAGI TUJUAN LATIH AMAL PELAJAR / PELATIH PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk dijadikan rujukan oleh KKM serta PPT dalam dan luar negara bagi permohonan penggunaan fasiliti KKM bagi tujuan latihan amal pelajar / pelatih.

2. PENDAHULUAN

Seiring dengan perkembangan bidang perubatan dan kesihatan, terdapat banyak PPT yang menyediakan program-program mengikut keperluan bidang tersebut di peringkat Sijil Pos Basik, Diploma, Ijazah, Sarjana dan Kedoktoran yang diiktiraf oleh Badan Profesional berkaitan atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Ini menyebabkan KKM menerima banyak permohonan dari PPT bagi menempatkan pelajar / pelatih untuk menjalani latihan amal di fasiliti KKM.

Latih amal yang komprehensif dan teratur amat diperlukan bagi melahirkan tenaga kerja yang kompeten. Oleh itu, PPT perlu mencari tempat latihan amal yang bersesuaian sama ada di hospital universiti, agensi kerajaan yang berkaitan, fasiliti swasta atau fasiliti KKM. Pihak KKM turut membantu dalam urusan permohonan dari PPT bagi penempatan pelajar / pelatih di fasiliti KKM tertakluk kepada kemampuan fasiliti tersebut.

Sehubungan dengan itu, satu garis panduan yang komprehensif diperlukan sebagai panduan penggunaan fasiliti KKM oleh pelajar / pelatih PPT dari dalam dan luar negara. Penyelarasan yang sistematik perlu diwujudkan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

3. OBJEKTIF

3.1 Objektif Umum

Mewujudkan sistem untuk mengurus dan memantau penggunaan kemudahan fasiliti KKM tanpa mengganggu perkhidmatan sedia ada di fasiliti tersebut.

3.2 Objektif Khusus

- 3.2.1 Menyelaras dan mengurus permohonan penggunaan fasiliti KKM oleh PPT yang memerlukan *MoA*.
- 3.2.2 Mengurus permohonan penempatan elektif di fasiliti KKM.

4. SKOP

Skop panduan ini digunapakai untuk permohonan penggunaan fasiliti KKM untuk tujuan latih amal pelajar / pelatih oleh PPT bagi semua program KKM seperti Program Perubatan, Kesihatan Awam, Kesihatan Pergigian, Farmasi, Kejururawatan, Sains Kesihatan Bersekutu, Perubatan Tradisional dan Komplementari, Keselamatan dan Kualiti Makanan dan Penolong Pegawai Perubatan.

Garis panduan ini meliputi penggunaan semua fasiliti KKM seperti di dalam **perenggan 5.9**.

5. TAKRIFAN

5.1 Ketua Program

Pegawai yang mengetuai program perkhidmatan di KKM iaitu Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan atau Pengarah Kanan yang mengetuai Program Perubatan, Program Kesihatan Awam, Program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal, Program Kesihatan Pergigian, Program Perkhidmatan Farmasi serta Program Keselamatan dan Kualiti Makanan.

5.2 Pemberi Pendidikan Tinggi

Institusi Pengajian Tinggi yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti [Akta 30] atau Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173] atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] atau Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [Akta 174] dan termasuk Institusi Latihan Awam seperti Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) dan Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera (INSAN).

5.3 Pelajar

Individu yang sedang mengikuti kursus pengajian daripada mana-mana PPT pada peringkat pra ijazah, ijazah atau lepasan ijazah.

5.4 Pelatih

Individu yang mempunyai kelayakan asas serta berpengalaman dalam bidang yang berkaitan yang mengikuti kursus pengajian daripada mana-mana PPT.

5.5 Latih Amal

Pembelajaran untuk mendapatkan pendedahan, pengalaman dan kemahiran seperti:-

5.5.1 Latihan klinikal/ teknikal

Latihan di mana pelajar / pelatih mengaplikasikan pembelajaran teori kepada praktikal yang telah dirangka dan ditetapkan oleh PPT sebagai syarat graduasi.

5.5.2 Latihan elektif

Latihan bagi tujuan pemerhatian (*observation*) yang dibuat secara *ad-hoc* yang tidak memerlukan *MoA*.

5.5.3 Latihan sangkutan klinikal

Latihan kepakaran dan pengkhususan mengikut profesion berkaitan dari sektor awam atau swasta dalam dan luar negara di fasiliti KKM bagi mendapatkan pengalaman dan meningkatkan kemahiran yang tidak memerlukan *MoA*.

5.6 Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti KKM (JKPF)

Jawatankuasa induk di peringkat Kementerian yang mengurus, melulus dan memantau penggunaan fasiliti KKM untuk tujuan latih amal pelajar / pelatih PPT.

5.7 Jawatankuasa Bersama Pengurusan Peringkat Negeri (*Joint Management Committee*)

Jawatankuasa di peringkat negeri yang mengurus dan memantau penggunaan fasiliti KKM untuk tujuan latih amal pelajar / pelatih PPT.

5.8 Clinical Instructor dan Local Preceptor

5.8.1 Clinical Instructor (CI)

Tenaga pengajar dari PPT yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan mengawal selia pelajar / pelatih di fasiliti KKM.

5.8.2 Local Preceptor (LP)

Pegawai KKM yang dilantik oleh PPT setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Jabatan untuk membantu dalam aktiviti pembelajaran semasa penempatan pelajar / pelatih di fasiliti KKM.

5.9 Fasiliti KKM

Fasiliti yang diperakukan sebagai tempat latihan oleh Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti, KKM termasuklah Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Hospital, Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa, Klinik Kesihatan, Institusi Perubatan, Institusi Kesihatan seperti Institut Kanser Negara (IKN), *National Institute of Health (NIH)*, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Institut Perubatan Respiratori (IPR), Pusat Darah Negara (PDN), Klinik Pergigian, Makmal Kesihatan Awam dan Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan dan lain-lain fasiliti kesihatan tertakluk kepada pindaan semasa.

5.10 Memorandum of Agreement (MoA)

MoA yang dimasuki oleh Kerajaan Malaysia, yang diwakili oleh KKM, dengan PPT bagi menggunakan fasiliti KKM untuk tujuan latihan klinikal pelajar / pelatih.

5.11 Ketua Jabatan

Ketua Program/ Pengarah Bahagian/ Pengarah Kesihatan Negeri/ Pengarah Institusi/ Pengarah Hospital dan Pegawai Kesihatan Daerah/ Bahagian/ Kawasan.

6. JAWATANKUASA

Terdapat dua (2) jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mengurus penggunaan fasiliti KKM iaitu:-

- a. Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti KKM dan
- b. Jawatankuasa Bersama Pengurusan Peringkat Negeri.

6.1 Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti KKM

Keahlian, fungsi dan terma rujukan JKPF untuk latih amal bagi bidang pengajian Perubatan, Kesihatan Awam, Kesihatan Pergigian, Farmasi, Sains Kesihatan Bersekutu, Kejururawatan, Perubatan Tradisional dan Komplementari, Keselamatan dan Kualiti Makanan dan Penolong Pegawai Perubatan adalah seperti berikut:-

6.1.1 Keahlian JKPF

Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) / wakil

Keahlian :

1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) / wakil
2. Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian / wakil
3. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi / wakil
4. Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan / wakil
5. Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan / wakil
6. Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu / wakil
7. Pengarah Bahagian Kejururawatan/ wakil
8. Pengarah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari / wakil
9. Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan / wakil
10. Setiausaha Bahagian Kewangan / wakil
11. Penasihat Undang-Undang / wakil
12. Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia / wakil
13. Ahli Bersama (*co-opt members*):
 - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
 - Ketua Profesion Sains Kesihatan Bersekutu yang berkaitan

Urus setia : Penggiliran secara bersama semua Program / Bahagian di Program Perubatan.

6.1.2 Fungsi JKPF

- a. Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun;
- b. Menyemak dan menentukan fasiliti KKM yang boleh digunakan oleh PPT;
- c. Meluluskan permohonan penggunaan fasiliti KKM;
- d. Memperakukan keputusan bagi permohonan penggunaan fasiliti KKM;
- e. Memastikan *MoA* dimeterai;
- f. Menilai semula kelulusan penggunaan fasiliti berdasarkan keperluan latihan amal;
- g. Menyediakan dan menyemak semula Garis Panduan / Peraturan penggunaan fasiliti KKM.

6.2 Jawatankuasa Bersama Pengurusan Peringkat Negeri

6.2.1 Keahlian *JMC*:

Pengerusi : Pengarah Kesihatan Negeri
Setiausaha : Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Pengurusan)

Keahlian :

1. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
2. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
3. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
4. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
5. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
6. Ketua Penyelia Jururawat Negeri
7. Ketua Pejabat Cawangan Perubatan Tradisional dan Komplementari
8. Pengarah Hospital
9. Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri
10. Pegawai Kesihatan Daerah
11. Wakil Tetap dari PPT
12. Wakil Profesion Sains Kesihatan Bersekutu Negeri/
Penyelaras Fasiliti

Urus setia : Unit Latihan JKN

6.2.2 Fungsi JMC

- a. Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun;
- b. Mengenalpasti masalah di peringkat pelaksanaan dan menyelesaikan perkara berbangkit yang berkaitan dengan penggunaan fasiliti;
- c. Memantau penempatan pelajar / pelatih berpandukan *MoA* dan Garis Panduan Penggunaan Fasiliti KKM.

6.2.3 Peranan Dan Fungsi Setiap Ahli JMC

- a. Pengerusi : Pengarah Kesihatan Negeri
 - i. Mempengerusikan mesyuarat JMC;
 - ii. Memantau penempatan pelajar / pelatih agar mematuhi *MoA* dan Garis Panduan Penggunaan Fasiliti KKM Bagi Tujuan Latih Amal Pelajar PPT;
 - iii. Merujuk kepada Ketua Program di peringkat KKM bagi isu yang tidak dapat diselesaikan di peringkat negeri.
- b. Setiausaha : Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
 - i. Memastikan mesyuarat dirancang dan dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun;
 - ii. Memastikan fasiliti mengemaskini dan menghantar laporan serta data penempatan pelajar / pelatih ke Unit Latihan JKN setiap enam (6) bulan;
 - iii. Memberi maklumbalas penempatan pelajar / pelatih ke Bahagian berkaitan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia sekiranya ada keperluan.
- c. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri / Ketua Profesion Negeri / Ketua Fasiliti:
 - i. Membantu dalam pemantauan penempatan pelajar / pelatih berpandukan *MoA* dan Garis Panduan Penggunaan Fasiliti KKM Bagi Tujuan Latih Amal Pelajar PPT;
 - ii. Mengenalpasti masalah di peringkat pelaksanaan dan menyelesaikan perkara berbangkit yang berkaitan dengan penggunaan fasiliti;
 - iii. Memberi maklumbalas berkaitan penempatan pelajar / pelatih di fasiliti.

- d. PPT:
 - i. Mematuhi *MoA* dan Garis Panduan Penggunaan Fasilitas dan arahan semasa yang berkuatkuasa;
 - ii. Mengenalpasti masalah di peringkat pelaksanaan bagi bekerjasama dengan fasilitas untuk menyelesaikan perkara berbangkit yang berkaitan dengan penempatan pelajar / pelatih di fasilitas;
 - iii. Memberi maklum balas berkaitan penempatan pelajar / pelatih di fasilitas;
 - iv. Mengedarkan sesalinan *MoA* kepada JKN dan fasilitas KKM.

- e. Urus setia
 - i. Menjadi urus setia Mesyuarat Jawatankuasa peringkat negeri dan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun;
 - ii. Mengedarkan minit mesyuarat kepada ahli mesyuarat JMC dan sesalinan kepada TKPK (Perubatan);
 - iii. Bertindak sebagai Penyelaras penempatan pelajar / pelatih PPT di peringkat negeri;
 - iv. Menyelaras dan mengemaskini laporan / data penempatan pelajar / pelatih PPT daripada semua program dari semasa ke semasa.

7. PROSEDUR PERMOHONAN PENGGUNAAN FASILITI KKM

7.1 Syarat-syarat Permohonan

7.1.1 Setiap permohonan lengkap perlu dikemukakan dalam tempoh satu (1) tahun atau selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum perancangan penempatan pelajar / pelatih di fasilitas KKM.

7.1.2 Permohonan akan diproses sekiranya PPT mengemukakan maklumat-maklumat yang diperlukan seperti berikut:-

- (i) Surat permohonan penggunaan fasilitas dengan KKM yang dialamatkan kepada Program / Bahagian yang berkaitan beserta maklumat pegawai yang bertanggungjawab. Perkara ini adalah dikecualikan bagi Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM);
- (ii) Profil PPT;
- (iii) Maklumat ringkas mengenai kursus serta rangka kerja kurikulum / kursus;
- (iv) Surat kelulusan mengendalikan program daripada Badan Profesional / Kementerian Pengajian Tinggi (KPT);

- (v) Cadangan fasiliti KKM yang ingin digunapakai;
- (vi) Justifikasi pemilihan fasiliti KKM yang ingin digunapakai;
- (vii) Bilangan kuota pelajar setahun yang diluluskan oleh *MQA* / Badan Profesional bagi tahun semasa jika berkaitan. Namun kuota tersebut mestilah sejajar dengan pensyarah dan *CI* serta kemampuan latihan praktikal (nyatakan jumlah pengambilan pelajar sekali atau dua kali setahun);
- (viii) Bilangan keseluruhan pelajar sedia ada mengikut tahun dan sesi bagi program berkaitan sejajar dengan pensyarah dan *CI* serta kemampuan latihan praktikal;
- (ix) Unjuran pengambilan pelajar bagi tempoh lima tahun yang akan datang;
- (x) Senarai nama pensyarah, *CI* dan pengalaman klinikal bagi setiap pensyarah dan *CI*. Setiap permohonan mestilah memenuhi nisbah kepada pelajar terkini (Pensyarah: Pelajar dan *CI*: Pelajar) serta *contact hours* pensyarah mestilah mencukupi;
- (xi) Maklumat penggunaan fasiliti yang diluluskan di dalam *MoA* yang lepas (untuk tempoh 5 tahun) (sekiranya ada);
- (xii) Nama Penandatanganan dan Saksi yang diberi kuasa beserta Jawatan;
- (xiii) Maklumat pendaftaran syarikat, iaitu:
 - a. Salinan Borang 9 – Sijil Pendaftaran Syarikat;
 - b. Salinan Borang 24 – Maklumat Pemegang Saham;
 - c. Salinan Borang 44 – Maklumat Pejabat Berdaftar Syarikat; dan
 - d. Salinan Borang 49 – Maklumat Pengarah, Pengurus dan Setiausaha Syarikat;
 - e. *Memorandum and Article of Association* (Akta Syarikat 1965); atau
 - f. Bagi Syarikat yang Berdaftar selepas penguatkuasaan Akta Syarikat 2016 perlu mengemukakan Notis Pendaftaran Syarikat.
- (xiv) Sijil Pendaftaran dengan KPT – Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] / Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]; dan
- (xv) Semua salinan *MoA* sekiranya permohonan dibuat untuk menandatangani Perjanjian Tambahan (*Supplementary Agreement*) atau Memperbaharui *MoA* (*MoA Renewal*).

7.1.3 Kegagalan pihak PPT untuk mengemukakan maklumat lengkap seperti dalam perkara 7.1.2 akan menyebabkan permohonan tersebut tidak diproses.

- 7.1.4 Kelulusan hanya akan dipertimbangkan apabila pihak PPT telah mendapat surat kelulusan menjalankan program dari Badan Profesional / KPT.
- 7.1.5 KKM tidak terikat untuk memberikan fasiliti kepada PPT untuk digunakan bagi menjalankan latihan amal pelajar / pelatih di mana ia adalah tertakluk kepada kemampuan fasiliti KKM tersebut. Oleh itu, sebagai alternatifnya PPT perlu mencari fasiliti lain selain dari KKM untuk tujuan penempatan latihan amal pelajar / pelatih.

7.2 Proses Kelulusan

- 7.2.1 Semua permohonan penggunaan fasiliti KKM akan dipertimbangkan dan diluluskan oleh JKPF.
- 7.2.2 Surat pemberitahuan kelulusan permohonan penggunaan fasiliti akan dihantar kepada PPT dengan sesalinan kepada JKN atau fasiliti KKM yang berkaitan.
- 7.2.3 Keputusan JKPF adalah muktamad.

8. PROSEDUR UNTUK MEMETERAI *MoA*

8.1 Syarat-Syarat Untuk Menandatangani *MoA*

- 8.1.1 PPT telah mendapat kelulusan menggunakan fasiliti KKM daripada JKPF.
- 8.1.2 PPT perlu mengemukakan lima (5) salinan dokumen *MoA* dalam tempoh 30 hari daripada tarikh penerimaan deraf akhir. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan permohonan pemeteraian *MoA* tersebut akan **TERBATAL**.
- 8.1.3 PPT perlu mengemukakan bukti bayaran (resit rasmi KKM) bagi penempatan pelajar / pelatih di fasiliti KKM sebelum memeterai *MoA*. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan *MoA* tidak akan dimeterai.

8.2 Proses Penyediaan *MoA*

- 8.2.1 Deraf *MoA* yang disediakan oleh Program/ Bahagian berkaitan akan dihantar kepada PUU KKM untuk semakan dan kelulusan.

- 8.2.2 Pihak PPT perlu memastikan di perenggan 7 telah dipatuhi sepenuhnya.
- 8.2.3 Dokumen atau maklumat yang diperlukan bagi memproses permohonan penggunaan fasiliti KKM dan penyediaan deraf MoA adalah seperti di **LAMPIRAN 1B**. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- 8.2.4 Sebarang pindaan terhadap klausa dalam deraf *MoA* perlu mendapat kelulusan daripada PUU KKM. Perubahan tanpa kelulusan akan menyebabkan permohonan MoA **TERBATAL**.
- 8.2.5 Permohonan untuk pembaharuan *MoA* hendaklah dibuat dalam tempoh satu (1) tahun atau selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum tamat tempoh *MoA* asal (*Principal MoA*).
- 8.2.6 *MoA* yang telah dipersetujui hendaklah dibukukan oleh PPT sebanyak lima (5) salinan dan dikembalikan kepada KKM bersama-sama dengan bukti pembayaran dalam tempoh 30 hari daripada tarikh penerimaan deraf akhir untuk dimeterai. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan *MoA* tersebut **TIDAK** dimeterai.
- 8.2.7 Empat (4) daripada lima (5) *MoA* yang telah dimeterai dan dimatikan setem (*stamping*) perlu dikembalikan kepada KKM dalam tempoh 14 hari.
- 8.2.8 Segala kos penyediaan *MoA* akan ditanggung oleh PPT.
- 8.2.9 KKM berhak menarik balik kebenaran penggunaan fasiliti yang telah diluluskan, sekiranya pihak PPT gagal memenuhi terma-terma dan syarat-syarat yang tertakluk dalam *MoA*.

8.3 Proses Kerja dan Carta Aliran Permohonan Penggunaan Fasiliti KKM dan Penyediaan Deraf *MoA* antara PPT dengan Kerajaan Malaysia (KKM) untuk Tujuan Latih Amal Pelajar / Pelatih

- 8.3.1 Proses Kerja dan Carta Aliran Permohonan Penggunaan Fasiliti KKM dan Penyediaan Deraf *MoA* antara PPT dengan Kerajaan Malaysia (KKM) untuk Tujuan Latih Amal Pelajar / Pelatih adalah seperti di **LAMPIRAN 1 dan LAMPIRAN 1A**.

9. PERMOHONAN TAMBAHAN PENGGUNAAN FASILITI KKM

- 9.1 Permohonan hanya boleh dikemukakan selepas satu (1) tahun daripada tarikh pemeteraian *MoA* atau *SA* dengan disertakan justifikasi keperluan penambahan penggunaan fasiliti.
- 9.2 Sekiranya permohonan tambahan penggunaan fasiliti diluluskan, pindaan kepada *MoA* yang telah dimeterai hendaklah dibuat melalui *SA* dan ditandatangani kedua-dua pihak.
- 9.3 Sebarang rayuan penambahan dan pertukaran fasiliti selepas surat pemberitahuan kelulusan permohonan penggunaan fasiliti dikeluarkan **tidak akan dipertimbangkan.**

10. TATACARA PENEMPATAN LATIH AMAL BAGI PELAJAR / PELATIH DI FASILITI KKM (LATIHAN KLINIKAL / TEKNIKAL)

- 10.1 PPT perlu memeterai *MoA* dengan KKM sebelum penempatan pelajar di fasiliti KKM yang diluluskan.
- 10.2 PPT perlu mengemukakan perancangan penempatan untuk tempoh satu (1) tahun bersama senarai nama pelajar, *CI* dan *LP* kepada Program Kesihatan Pergigian / Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari / JKN berkaitan penempatan pelajar sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh penempatan pelajar dilaksanakan.
- 10.3 PPT perlu mengemukakan dokumen kepada JKN sebelum penempatan pelajar / pelatih seperti berikut:-
 - a. Surat penempatan pelajar / pelatih;
 - b. Objektif pembelajaran;
 - c. Jadual penempatan pelajar / pelatih;
 - d. Pengesahan dari PPT bahawa pelajar / pelatih telah mendapatkan immunisasi Hepatitis B dan / atau lain-lain suntikan (seperti suntikan typhoid);
 - e. Salinan polisi *Medical Insurance* dan *Indemnity Insurance* bagi pelajar / pelatih;
 - f. Salinan resit rasmi KKM dan salinan borang penerimaan bayaran penempatan pelajar / pelatih yang telah disahkan oleh Program / Bahagian berkaitan dan Bahagian Kewangan, KKM (seperti di **LAMPIRAN 2B**) (rujuk perenggan 17.3),

kecuali bagi Program Kesihatan Pergigian / Perubatan Tradisional dan Komplementari, semua dokumen di atas terus dikemukakan kepada Program berkenaan.

- 10.4 JKN dipertanggungjawabkan untuk mengagihkan pelajar / pelatih sekiranya terdapat pertindihan penempatan atau lambakan pelajar / pelatih berdasarkan kelulusan fasiliti di dalam *MoA*.
- 10.5 Surat persetujuan menerima pelajar / pelatih akan dikeluarkan oleh Program Kesihatan Pergigian/ Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari / JKN kepada PPT dengan sesalinan kepada fasiliti.
- 10.6 PPT perlu memastikan pelatih mempunyai Sijil Amalan Tahunan (Annual Practicing Certificate) tahun semasa tertakluk kepada keperluan Profesion.
- 10.7 Penempatan pelajar / pelatih dikehendaki mengikut waktu bekerja / shif yang telah ditetapkan di bawah pengawasan CI di mana CI perlu hadir bersama.
- 10.8 Semua fasiliti perlu mengemukakan laporan penggunaan fasiliti dari semasa ke semasa dan mengemukakan laporan ke JKN setiap enam (6) bulan.
- 10.9 Proses Kerja Tatacara Penempatan Latih Amal Pelajar / Pelatih PPT di Fasiliti KKM adalah seperti di **LAMPIRAN 3**.
- 10.10 Carta Alir Tatacara Penempatan Pelajar / Pelatih PPT di Fasiliti KKM adalah seperti di **LAMPIRAN 3A**.
- 10.11 Penyelaras di fasiliti KKM perlu memastikan senarai semak seperti di **LAMPIRAN 3B** dipatuhi oleh PPT sebelum penempatan pelajar / pelatih di fasiliti KKM.

11. TATACARA PENEMPATAN LATIHAN ELEKTIF BAGI PELAJAR / PELATIH DARI PPT DALAM DAN LUAR NEGARA DI FASILITI KKM

11.1 Latihan Elektif Bagi Pelajar / Pelatih Dari PPT Dalam Negara

- 11.1.1 Penempatan Elektif ini adalah secara *one-off* dan tidak memerlukan *MoA*.
- 11.1.2 Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan Menjalani Latihan Elektif bagi Pelajar / Pelatih PPT Dalam Negara di Fasiliti KKM seperti di **LAMPIRAN 5B**.

- 11.1.3 Semua permohonan perlu dikemukakan kepada Pengarah Kesihatan Negeri / Program Kesihatan Pergigian / Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari yang berkenaan selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum penempatan.
- 11.1.4 Semua permohonan disemak berdasarkan perkara-perkara berikut:
- surat rasmi daripada PPT;
 - memastikan PPT berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
 - kesesuaian kursus dan fasiliti;
 - tempoh penempatan tidak melebihi tiga (3) bulan.
- 11.1.5 Kelulusan oleh JKN / Program Kesihatan Pergigian / Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari adalah tertakluk kepada kemampuan dan persetujuan fasiliti. Fasiliti berhak untuk menolak permohonan demi kepentingan perkhidmatan.
- 11.1.6 Pemakluman surat kelulusan dari fasiliti kepada PPT dan sesalinan kepada JKN dan program berkaitan.
- 11.1.7 Semua fasiliti perlu mengemukakan laporan penggunaan fasiliti dari semasa ke semasa dan mengemukakan laporan ke JKN setiap enam (6) bulan.
- 11.1.8 Pelajar perlu mempunyai:
- medical insurance*; dan
 - indemnity insurance*.
- 11.1.9 Pelatih perlu mempunyai:
- Sijil Amalan Tahunan tahun semasa tertakluk kepada keperluan Profesion;
 - medical insurance*; dan
 - indemnity insurance*.
- 11.1.10 KKM berhak untuk membatalkan penempatan di fasiliti pada bila-bila masa sekiranya pelajar / pelatih tidak mematuhi peraturan / arahan semasa yang ditetapkan.
- 11.1.11 KKM tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan ataupun penyakit yang dijangkiti sepanjang masa penempatan.
- 11.1.12 Semua maklumat pesakit dan data adalah sulit dan tidak boleh digunakan untuk sebarang tujuan tanpa kelulusan KKM.

11.1.13 Proses Kerja Permohonan Penempatan Latihan Elektif bagi Pelajar / Pelatih PPT Dalam Negara adalah seperti di **LAMPIRAN 4**.

11.1.14 Carta Aliran Permohonan Penempatan Latihan Elektif bagi Pelajar / Pelatih PPT Dalam Negara adalah seperti di **LAMPIRAN 4A**.

11.2 Latihan Elektif Bagi Pelajar / Pelatih dari PPT Luar Negara

11.2.1 Permohonan dari PPT Luar Negara perlu dikemukakan kepada Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa KKM untuk mendapatkan kelulusan.

11.2.2 Pemohon perlu mengisi *Application Form for Elective in the Ministry of Health Malaysia Facilities* seperti di **LAMPIRAN 5B** dan dikemukakan kepada BDHA selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum penempatan.

11.2.3 Semua permohonan disemak berdasarkan perkara-perkara berikut:

- a. surat rasmi daripada PPT;
- b. memastikan PPT berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
- c. kesesuaian kursus dan fasiliti;
- d. penempatan tidak melebihi tiga (3) bulan.

11.2.4 BDHA mengemukakan permohonan yang lengkap kepada Program / Bahagian berkaitan dan Program / Bahagian berkaitan yang bersedia sepenuhnya untuk menerima pelajar, perlu memberikan persetujuan bertulis secara rasmi kepada BDHA.

11.2.5 Persetujuan Program / Bahagian berkaitan adalah tertakluk kepada kemampuan dan persetujuan JKN dan fasiliti. JKN dan Fasiliti yang bersedia sepenuhnya untuk menerima pelajar, perlu memberikan persetujuan secara rasmi kepada Program/ Bahagian yang berkaitan. Fasiliti berhak menolak permohonan demi kepentingan perkhidmatan.

11.2.6 Pelajar perlu:

- a. mempunyai *medical insurance* dan *indemnity insurance*;
- b. mendapat kebenaran Jabatan Imigresen Malaysia;
- c. menjalani pemeriksaan perubatan dalam negara; dan
- d. mematuhi peraturan semasa yang berkuatkuasa.

- 11.2.7 Pelatih perlu:
- mempunyai Sijil Amalan Tahunan (*APC*) semasa mengikut profesion bagi warganegara atau *TPC* bagi bukan warganegara (tertakluk kepada keperluan Program);
 - mempunyai *medical insurance* dan *indemnity insurance*;
 - mendapat kebenaran Jabatan Imigresen Malaysia;
 - menjalani pemeriksaan perubatan dalam negara; dan
 - Mematuhi peraturan semasa yang berkuatkuasa.
- 11.2.8 Semua fasiliti perlu mengemukakan laporan penggunaan fasiliti dari semasa ke semasa ke JKN.
- 11.2.9 KKM berhak untuk membatalkan penempatan pelajar / pelatih di fasiliti pada bila-bila masa sekiranya tidak mematuhi peraturan/ arahan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
- 11.2.10 KKM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kebajikan dan kecederaan ataupun penyakit yang dijangkiti sepanjang tempoh penempatan.
- 11.2.11 Semua maklumat pesakit dan data adalah sulit dan tidak boleh digunakan untuk sebarang tujuan tanpa kelulusan KKM.
- 11.2.12 Proses Kerja Permohonan Penempatan Latihan Elektif bagi Pelajar / Pelatih PPT Luar Negara adalah seperti di **LAMPIRAN 5**.
- 11.2.13 Carta Aliran bagi Permohonan Penempatan Latihan Elektif bagi Pelajar / Pelatih PPT Luar Negara adalah seperti di **LAMPIRAN 5A**.

12. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PPT

- 12.1 PPT perlu mempunyai *MoA* sebelum menghantar pelajar / pelatih ke fasiliti KKM (kecuali ILKKM).
- 12.2 PPT perlu mendapat persetujuan dan kebenaran dari Program Kesihatan Pergigian (untuk pengajian Program Kesihatan Pergigian), Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (untuk pengajian Program Perubatan Tradisional dan Komplementari) dan JKN (selain daripada Program Kesihatan Pergigian / Perubatan Tradisional dan Komplementari) untuk tujuan penempatan setelah perjanjian dimeterai.
- 12.3 Setiap PPT perlu menyediakan dokumen seperti di perenggan 10.2 dan 10.3.

- 12.4 PPT perlu mengemukakan satu (1) salinan *MoA* kepada JKN dan fasiliti KKM sebelum memohon penempatan.
- 12.5 PPT bertanggungjawab untuk mengajar dan tidak menggunakan sepenuhnya anggota KKM kerana fungsi utama anggota KKM adalah memberi perkhidmatan rawatan kepada pesakit.
- 12.6 PPT perlu menyediakan tenaga pengajar merangkumi pensyarah dan juga *CI* yang mencukupi di fasiliti berdasarkan nisbah yang ditentukan oleh Badan Profesional masing-masing. Nisbah *CI* kepada Pelajar adalah seperti di **LAMPIRAN 7**.
- 12.7 Setiap *CI* daripada PPT perlu mempunyai kelulusan dalam bidang berkaitan seperti yang disyaratkan oleh Badan Profesional/ *MQA*.
- 12.8 Jumlah pelajar / pelatih yang dihantar tidak boleh melebihi kuota yang ditetapkan oleh fasiliti.
- 12.9 PPT tidak dibenarkan membuat penambahan bilangan pelajar / pelatih atau pertukaran fasiliti latihan tanpa kebenaran daripada Program Kesihatan Pergigian (untuk pengajian Program Kesihatan Pergigian), Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (untuk pengajian Program Perubatan Tradisional dan Komplementari) dan JKN (selain daripada Program Kesihatan Pergigian / Perubatan Tradisional dan Komplementari).
- 12.10 Setiap pelajar / pelatih perlu mempunyai *medical insurance* dan *indemnity insurance*.
- 12.11 Segala maklumat, data statistik, rekod perubatan dan lain-lain maklumat yang diperolehi semasa latihan lapangan adalah sulit dan tidak boleh digunakan tanpa kebenaran daripada KKM.
- 12.12 Segala urusan kebajikan pelajar / pelatih adalah di bawah tanggungjawab PPT masing-masing.
- 12.13 KKM tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kemalangan/ kecederaan atau penyakit yang diperolehi oleh pelajar / pelatih semasa tempoh latihan amal.
- 12.14 PPT digalakkan menyumbang peralatan kepada KKM untuk menampung keperluan penempatan pelajar / pelatih dengan persetujuan KKM.

- 12.15 PPT tidak dibenarkan membuat sebarang aktiviti promosi di fasiliti KKM tanpa kebenaran Ketua Jabatan.
- 12.16 PPT perlu menjelaskan bayaran kepada Bahagian Kewangan KKM dua (2) bulan sebelum penempatan pelajar dilaksanakan.
- 12.17 PPT perlu memastikan pelajar / pelatih memakai pakaian mengikut Etika Berpakaian di Premis Kerajaan serta memakai tanda nama dan pengenalan diri pelajar / pelatih PPT di sepanjang tempoh latihan di fasiliti KKM.
- 12.18 PPT perlu mematuhi arahan semasa bagi memastikan latihan amal dan perkhidmatan fasiliti tidak terjejas.

13. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB FASILITI KKM

- 13.1 JKN yang menerima pelajar perlu memberikan surat kebenaran kepada PPT dan sesalinan kepada Fasiliti.
- 13.2 Menetapkan bilangan pelajar / pelatih yang boleh menjalani latihan pada satu-satu masa bagi mengelakkan pertindihan jadual dan kesesakan di fasiliti.
- 13.3 Menyediakan buku daftar maklumat pelajar / pelatih.
- 13.4 Memastikan pelajar / pelatih memakai pakaian mengikut Etika Berpakaian di Premis Kerajaan serta memakai tanda nama dan pengenalan diri pelajar / pelatih PPT di sepanjang tempoh latihan di fasiliti KKM.
- 13.5 Pelajar / pelatih tidak dibenarkan masuk ke fasiliti KKM sekiranya tidak memenuhi perkara 13.4
- 13.6 Tidak bertanggungjawab ke atas kerosakan dan kehilangan peralatan peribadi atau peralatan yang dibekalkan oleh pihak PPT bagi kemudahan pelajar / pelatih.
- 13.7 Melaporkan kepada JKN dan PPT serta boleh menamatkan penempatan pelajar / pelatih yang tidak mematuhi peraturan dan berkelakuan yang boleh mencemarkan nama baik KKM.
- 13.8 Menyediakan dan mengemaskini *database* penggunaan fasiliti dari semasa ke semasa.
- 13.9 Mengemukakan laporan penggunaan fasiliti ke JKN setiap enam (6) bulan.

- 13.10 Memastikan permohonan penempatan diterima setelah *MoA* dimeterai dan bayaran penempatan telah dilaksanakan.
- 13.11 Menguruskan pelantikan *LP* sekiranya dipohon tertakluk kepada terma dan syarat serta kapasiti fasiliti.
- 13.12 Pelantikan *LP* dan pembayaran insentif kepada *LP* perlu melalui Ketua Jabatan.
- 13.13 KKM tidak akan memberi sebarang bayaran/ elaun kepada pelajar / pelatih yang menjalani penempatan di fasiliti KKM.
- 13.14 Memastikan senarai semak Permohonan Penempatan Pelajar / Pelatih untuk Menjalani Latih Amal di Fasiliti KKM seperti di **LAMPIRAN 3B** dipatuhi.

14. PERATURAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR / PELATIH SEMASA LATIHAN

- 14.1 Semua pelajar / pelatih yang menjalani latihan di fasiliti KKM perlu mematuhi *Code of Conduct* seperti di dalam *Annexure B MoA*.
- 14.2 Semua pelajar / pelatih juga perlu mematuhi peraturan dan arahan semasa yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.
- 14.3 Sekiranya didapati pelajar / pelatih tidak mematuhi peraturan dan arahan yang dikeluarkan, pihak fasiliti berhak untuk menamatkan penempatan pelajar / pelatih berkenaan.

15. LANTIKAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB *CLINICAL INSTRUCTOR*

- 15.1 Bilangan *CI* mestilah mencukupi mengikut nisbah pelajar / pelatih seperti yang ditetapkan tertakluk kepada perubahan semasa dan tidak bergantung sepenuhnya kepada anggota KKM di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti di **LAMPIRAN 7**.
- 15.2 *CI* yang dilantik perlu berdaftar dengan badan profesional yang berkaitan.
- 15.3 Mempunyai *APC* atau *TPC* tahun semasa (jika berkaitan).
- 15.4 *CI* perlu mempunyai pengalaman klinikal tidak kurang daripada lima (5) tahun dan mempunyai permit mengajar yang diluluskan oleh KPT.

- 15.5 Untuk penempatan pelajar-pelajar di unit khas/ pengkhususan, *CI* perlu mempunyai kelayakan khusus dan pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang berkaitan.
- 15.6 *CI* perlu mempunyai tahap pendidikan atau latihan lanjutan yang lebih tinggi dari pelajar di bawah seliaannya.
- 15.7 *CI* berumur tidak lebih dari 65 tahun.
- 15.8 *CI* perlu mengemukakan pengesahan telah mendapat suntikan Hepatitis B dan lain-lain suntikan (jika perlu) sebelum penempatan dilaksanakan.
- 15.9 *CI* perlu memakai pakaian mengikut Etika Berpakaian di Premis Kerajaan berserta *Lab Coat* putih yang berlogo PPT serta memakai tanda nama dan pengenalan diri semasa memasuki lapangan fasiliti.
- 15.10 *CI* bukan warganegara hendaklah:
- mematuhi undang-undang yang tertakluk di Malaysia dan polisi / peraturan / akta profesion berkaitan. Program Kejururawatan, PPT perlu mematuhi *Employment Criteria For Foreigner Nurses In Malaysia Practising Clinical And Nursing Education & ASEAN Framework Agreement On Service (AFAS)*;
 - mempunyai *TPC* terkini dan Sijil Pos-Basik (Program Kejururawatan sahaja);
 - mempunyai *TPC* terkini serta menjalani latihan klinikal selama tiga (3) hingga enam (6) bulan bergantung kepada tahap kompetensi masing-masing dan diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Lembaga/ Ketua Profesion; dan
 - bertanggungjawab untuk mengawal selia, mengajar, membimbing dan menyediakan laporan pencapaian prestasi pelajar / pelatih sepanjang tempoh penempatan.

16. PANDUAN PELANTIKAN *LOCAL PRECEPTOR*

- 16.1 Pegawai KKM boleh dilantik menjadi *LP* untuk membantu dalam latihan pelajar / pelatih PPT dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan.
- 16.2 Ketua Jabatan perlu memastikan tugas hakiki pegawai berkenaan tidak terjejas dengan penglibatan sebagai *LP* di mana tugas utama pegawai KKM dalam perkhidmatan rawatan kepada pesakit perlu diberi keutamaan

supaya perkhidmatan rawatan tersebut tidak terjejas di samping tidak membebankan rakan sejawat lain dalam Jabatan/ unit masing-masing.

- 16.3 Permohonan daripada PPT perlu dibuat secara rasmi dan bertulis kepada Ketua Jabatan dan sesalinan kepada Pengarah Kesihatan Negeri/ Program Kesihatan Pergigian/ Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari. Permohonan ini perlu mendapat kebenaran oleh Ketua Jabatan dan dikemukakan sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum penempatan.
